

# Abdullah harap KL-Bangkok terus akrab

**B**ANGKOK: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Thailand akan terus akrab di bawah kepemimpinan Perdana Menteri baru Thailand Jeneral Surayud Chulanont.

Dalam perutusan tahniah di atas pelantikan Surayud, Abdullah berkata, beliau berharap untuk bekerja rapat dengan rakan sejawatannya itu bagi meningkatkan hubungan dua hala dan meneruskan objektif bersama dalam Asean.

"Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, saya mengucapkan selamat maju jaya atas pelantikan anda," kata Abdullah dalam perutusan itu, yang dikeluarkan Kementerian Luar Thailand, semalam.

Abdullah berkata, pelantikan Surayud itu dibuat pada masa yang amat mencabar dalam memupuk perpaduan negara dan mencapai perdamaian.

"Saya yakin di bawah kepemimpinan anda, anda boleh meletakkan asas yang kukuh untuk pembinaan semula demokrasi di Thailand," kata Abdullah.

Surayud, bekas Panglima Tentera Darat Thailand, dilantik memegang jawatan itu oleh pihak tentera Thai yang menggulingkan kerajaan pimpinan Thaksin Shinawatra dalam rampasan kuasa pada 19 September lalu.

Surayud akan berkhidmat sebagai Perdana Menteri sementara kira-kira setahun, dengan tugas utama menyelia penggubalan perlembagaan baru bagi menggantikan Perlembagaan 1987 yang dimansuhkan oleh pihak tentera.

Beliau akan menyerahkan kuasa kepada kerajaan awam yang baru selepas pilihan raya umum pada Oktober tahun depan. - Bernama